

**UNIT PELANCONGAN
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU**

**LAPORAN
KEJOHANAN KAROM TERBUKA 2018
- PIALA SETIAUSAHA MDKP**

**TARIKH:
31 MAC – 1 APRIL 2018**

**TEMPAT:
KOMPLEKS DARUL QIYYAM, BUKIT
KAYU HITAM**

**ANJURAN:
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU**

1.0 PENGENALAN

Kejohanan Karom Terbuka - Piala Setiausaha Majlis Daerah Kubang Pasu 2018 merupakan kejohanan pertama yang akan dianjurkan oleh Majlis Daerah Kubang Pasu bersama Persatuan Asun Carrom Team (ACT). Sasaran penyertaan adalah daripada para pemain permainan karom seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

2.0 LATAR BELAKANG

Kejohanan Karom Terbuka - Piala Setiausaha Majlis Daerah Kubang Pasu 2018 ini diadakan bagi menghidupkan atau memeriahkan semula sukan karom dalam Negeri Kedah. Kejohanan ini diadakan bagi mengeratkan silaturahim sesama pemain dan pegawai pasukan karom serta masyarakat dalam dan luar negeri Kedah. Tujuan diadakan kejohanan ini adalah bagi melahirkan pemain-pemain karom yang berbakat untuk mewakili negeri dan negara. Ini bagi menggalakkan remaja-remaja dalam Negeri Kedah mendekati sukan karom. Ianya sebagai salah satu aktiviti riadah untuk masyarakat dan seterusnya mengamalkan gaya hidup sihat.

3.0 HURAIAN PENILAIAN

Para peserta memberikan komen yang positif terhadap program ini. Diharap program ini akan menjadi acara tahunan pada masa akan datang. Skill dan rentak perlawanan yang ditunjukkan oleh para peserta memukau hati penonton yang hadir.

4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Melalui program yang diadakan ini dapatlah kita memperkenalkan Kompleks Darul Qiyam kepada orang ramai. Kompleks Darul Qiyam merupakan tempat membeli – belah yang boleh dibangunkan dan dapat menjana sosioekonomi penduduk setempat. Hasil daripada program ini dapat mencapai matlamat utama pihak penganjur iaitu mempromosikan Kompleks Darul Qiyam sebagai tempat pelancongan di daerah Kubang Pasu ini. Program ini juga dapat memantapkan kerjasama komuniti antara pemimpin, agensi – agensi kerajaan, swasta dan penduduk setempat. Peserta adalah daripada Kelantan, Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Perak, Perlis dan dari Kedah sendiri.

5.0 KEMAJUAN / MASALAH

- 5.1 Melalui program ini dapat memperkenalkan Kompleks Darul Qiyam kepada orang luar.
- 5.2 Kebersihan kawasan
- 5.3 Meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat

6.0 CADANGAN

- 6.1 Kawasan sekitar perlu dijaga dan diselenggara
- 6.2 Kemudahan awam perlu dijaga
- 6.3 Pelbagai aktiviti boleh direncana di Darul Qiyyam.

7.0 GAMBAR AKTIVITI

Sila lihat lampiran berikutnya.



